



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



MAY 2024

INFO 83rd ISSUE

KAMPUS

UiTM Sarawak Bulletin



The 2nd International Conference
On Innovative Sciences &
Technologies For Research &
Education (InnoSTRE)

ReQasari Art Exhibition
17th Edition: ENIGMA

Lawatan rasmi:
Profesor Datuk Teknologis
(Ts.) Dr. Hajah Roziah Mohd Janor



Building Bridges Through International
Mobility: A Joint Program between
UiTM & Mulawarman University
Indonesia



Program Webinar Motivasi Diri “Refresh Our Mind” bersama Cikgu Emet

Yahutazi Bin Hj. Chik,
Penyelaras Komunikasi & Korporat,
UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah

Kelab Kakitangan (KEKITA) UiTM Cawangan Sarawak dengan Kerjasama UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah telah mengadakan program webinar motivasi diri “refresh our mind” bersama cikgu Emet pada 01 April 2022 dari jam 9-11 pagi. Terdapat tiga objektif penganjuran program yang diadakan secara virtual ini, yang pertama, untuk memperbaharui semangat, potensi, perasaan, etika, dan sahsiah diri peserta dalam menjalani kehidupan dalam fasa peralihan ke era endemic, yang kedua untuk meningkatkan potensi diri para peserta dalam tugas harian masing-masing dan yang ketiga untuk melahirkan jiwa baharu yang lebih positif di dalam diri para peserta.

Menampilkan Encik Ahmad Faizal bin Osman yang berkhidmat sebagai Penolong Kanan Pentadbiran Kurikulum SK Pulau Seduku, Sri Aman atau lebih dikenali dengan nama Cikgu Emmet sebagai penceramah motivasi semestinya menarik minat ramai peserta untuk menyertai webinar ini. Umum mengetahui bahawa Cikgu Emmet merupakan ikon yang terkenal di platform media sosial seperti Facebook dan tiktok di Sarawak khususnya di atas penulisan beliau yang sering menambat hati para pembacanya disamping pernah dinobatkan sebagai Duta Guru Nadi Negara tahun 2019.

Sesi webinar tersebut yang telah dimudahcara oleh En. Yahutazi Bin Hj. Chik, Penyelaras Komunikasi dan Korporat UiTM Kampus Mukah telah berlangsung secara virtual melalui platform Webex dan telah dihadiri oleh lebih 100 orang peserta yang terdiri daripada warga UiTM Cawangan Sarawak dan peserta dari luar UiTM. Program yang turut disiarkan secara langsung di facebook rasmi UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah turut mendapat 400 lebih tontonan daripada masyarakat umum. Diantara perkongsian Cikgu Emet dalam sesi webinar tersebut adalah cabaran-cabaran dalam kehidupan, cara untuk keluar daripada zon selesa dalam pekerjaan dan persekitaran positif ditempat kerja. Disamping itu, beliau turut menyentuh tiga nilai (values) utama iaitu ESI, excellence, synergy, dan integrity dalam konteks UiTM dan iDART (Ilnu, disiplin, Amanah, rajin dan Tanggungjawab) sebagai panduan aspek pekerjaan seharian warga UiTM Sarawak.